



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN PENGHARGAAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

**SEMPENA**

**“JAMUAN PENGHARGAAN KAKITANGAN MPSP  
(PASCA BANJIR)”**

**23 DISEMBER 2017 (SABTU)**

**9.00 PAGI**

**BERTEMPAT DI BANGUNAN IBU PEJABAT MPSP**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Rakan-rakan media**

**YAB Tuan, YB Tuan/ Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini

di MPSP untuk satu majlis yang saya anggap amat bermakna bagi menghargai jasa dan pengorbanan semua kakitangan khususnya pekerja-pekerja awam iaitu “Majlis Jamuan Penghargaan Kakitangan MPSP (Pasca Banjir)”. Terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan YB Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi meluangkan masa bersama MPSP bagi menjayakan jamuan penghargaan ini.

Untuk makluman YAB Ketua Menteri, YB Tuan Chow dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, MPSP telah menganjurkan jamuan makan pagi kepada semua pekerja awam yang terlibat di enam (6) depo pembersihan MPSP iaitu Depo Bertam, Depo Padang Cempedak, Depo Bagan Lalang, Depo Inderawasih, Depo Berapit, Depo Jawi dan Depo Asas Murni yang telah berlangsung dengan jayanya pada 11,12,13, 15,18,19 dan 22 Disember 2017 baru-baru ini. Seramai 1904 kakitangan yang terlibat dalam jamuan sebelum ini.

Dan pada hari ini jamuan secara besar-besaran sekali lagi diadakan dengan melibatkan lebih kurang 1,265 orang termasuk Ahli-ahli Majlis, Depo Ampang Jajar, Depo Padang Lalang, beberapa jabatan dalaman MPSP. Dengan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat khususnya dalam merealisasikan hasrat MPSP bagi mengadakan

jamuan penghargaan secara besar-besaran pada hari ini. Penghargaan ini dibuat bagi menghargai semua yang terlibat bukan hanya sebagai pekerja awam bahkan sesiapa sahaja yang terlibat.

Saya ingin mengimbas sedikit kisah yang berlaku pada kita baru-baru ini. Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, berikutan angin kencang dan hujan lebat yang telah berlaku pada 4 November 2017 yang lepas, merupakan satu insiden hitam yang berlaku kepada Negeri Pulau Pinang. Banyak kawasan di Pulau Pinang dan Seberang Perai terjejas akibat banjir yang dikatakan terburuk di negeri ini. Di Seberang Perai, banyak kawasan termasuk jalan raya utama telah ditenggelami air antara 0.2 dan satu meter. Ia juga turut menyebabkan banyak pokok tumbang. Selain itu, kesesakan lalu lintas luar biasa boleh disaksikan di jalan-jalan utama yang dipenuhi air. Terdapat sebanyak 78 pusat pemindahan banjir telah dibuka dengan jumlah mangsa seramai 8,598 orang.

Pada Persidangan DUN, 9 November 2017, YAB Ketua Menteri telah mengumumkan “Pulau Pinang Bangkit” dan selaras dengan itu, pada Sabtu 11 November 2017, MPSP menganjurkan Hari Sukarelawan Seberang Perai. MPSP telah menggerakkan seramai 2,660 orang tenaga kerja bagi melancarkan kerja-kerja pembersihan pasca banjir yang antaranya terdiri daripada tuan-tuan dan puan-puan.

MPSP juga menerima bantuan daripada sukarelawan dari Negeri Selangor dan Melaka dan amat berbesar hati diatas kesudian mereka membantu pada waktu genting itu.

Sampah pasca banjir yang berjaya dipungut ialah sebanyak 13,722 tons. Kutipan sampah pasca banjir bermula pada 5 hingga 17 November 2017 iaitu selama lebih kurang 12 hari. Atas jasa dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan bertungkus lumus bekerja siang dan malam, pagi dan petang, panas dan hujan, bertugas pada hari cuti dan sanggup bekerja pada bila-bila masa sahaja tanpa mengenal waktu, syabas saya ucapkan dan saya di pihak pengurusan ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga atas segala keringat yang tuan-tuan dan puan-puan telah keluarkan untuk MPSP. Jamuan penghargaan ini diberikan bagi menghargai jasa tuan-tuan dan puan-puan semasa pasca banjir 2017.

Saya sentiasa menganggap perjumpaan dalam jamuan penghargaan ini merupakan sesuatu yang amat bernilai bukan sahaja buat diri saya dan pihak pengurusan bahkan juga keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap sumbangan tuan-tuan dan puan-puan dalam menghadapi saat-saat genting dan kesukaran. Untuk makluman semua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP sentiasa prihatin dan mengambil berat terutama yang melibatkan kakitangan bawahan.

Sebagai Yang Dipertua MPSP, saya ingin mengumumkan beberapa perkara yang saya anggap merupakan satu berita baik untuk semua kakitangan MPSP iaitu:

- i. Elaun klinik panel telah dinaikkan daripada RM500.00 kepada RM600.00 bagi yang berkeluarga manakala RM250.00 bagi yang belum berkeluarga.
- ii. MPSP memperluaskan kemudahan klinik ini kepada klinik pergigian juga.
- iii. MPSP telah membina 9 depoh dengan kos sebanyak 3,991,863.00 di seluruh Seberang Perai. Depoh-depoh ini mempunyai kemudahan tempat mandi, kawasan *roll call*, bertar, tempat penyimpanan lori dan surau. Pada tahun 2018 MPSP akan membina depoh baru di Paya Keladi bagi menggantikan Depoh Bertam.
- iv. Mulai tahun 2018, kerja-kerja pembersihan awam di jalan-jalan negeri, perkampungan baru, jalan perbandaran dalam kawasan komersial dan industri di *outsource* perkhidmatannya kepada kontraktor swasta. Berita baik yang hendak disampaikan adalah MPSP tidak akan menamatkan kontrak dan mengekalkan pembantu awam dengan syarat mereka tidak mempunyai masalah disiplin. Saudara saudari khususnya pekerja awam ini akan diberikan tugas-tugas baru antaranya membersih dan memotong

rumpun di kawasan lapang, kolam tadahan dan tempat-tempat awam yang lain. Sebahagiannya akan ditukarkan ke skuad khas atau bahagian lain yang memerlukan.

- v. Depoh yang berjaya membuat kompos sehingga dapat mengurangkan berat sampah sebanyak 50% akan juga membuat persembahan, pembentangan atau pameran di peringkat antarabangsa.
- vi. Depoh-depoh dan bengkel MPSP digalakkan menghasilkan barangan *upcycle*. Depo atau bengkel yang cemerlang akan dicalonkan untuk membenteng pengalaman mereka di peringkat antarabangsa dan berkemungkinan tuan-tuan dan puan-puan akan diberi peluang untuk ke luar negara.
- vii. Sumbangan kepada 626 orang mangsa banjir dari kalangan pekerja MPSP akan disampaikan hari ini oleh YAB Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng disaksikan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir. MPSP juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya YB Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam

Sekitar kerana sudi memberi sumbangan dalam bentuk barangan keperluan kepada mangsa banjir dari MPSP. Di sini, MPSP juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada *Lions Club International District 308 B2* yang sentiasa bersama MPSP untuk menangani isu-isu alam sekitar dan pada pagi ini mereka juga memberi sumbangan kepada pekerja-pekerja MPSP yang menjadi mangsa banjir.

Selain itu, bagi memastikan kesiapsiagaan Seberang Perai menghadapi sebarang bentuk bencana dan kemungkinan, MPSP telah mengambil langkah mewujudkan Pelan Mekanisme Pengurusan Bencana Seberang Perai atau *Emergency Preparedness Plan (EPP)* yang akan digunapakai pada tahun 2018. Pelan ini merupakan sebuah pelan yang disediakan bagi memastikan tindakan sewajarnya dapat diambil dengan segera apabila berlaku bencana. Untuk makluman YAB Ketua Menteri, YB Tuan Chow dan semua hadirin sekalian, pelan ini terdiri daripada tiga (3) komponen iaitu

- i. Pelan Pengurusan Risiko Bencana (Disaster Risk Management) yang menjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil sebelum berlakunya kejadian bencana iaitu pencegahan dan peredaan, kesiapsiagaan dan system amaran awal.



- ii. Pelan Pengurusan Krisis Bencana (Disaster Crisis Management) iaitu penaksiran impak dan tindak balas.
- iii. Pelan Pengurusan Pemulihan Bencana (Disaster Recovery Management).

Dengan adanya EPP ini, MPSP telah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan bencana dan dapat menjalankan koordinasi dengan sempurna bersama komuniti, NGO dan agensi-agensi kerajaan atau swasta.

**YAB Ketua Menteri, YB Chow Kon Yeow, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Di kesempatan ini, saya ingin memaklumkan yang MPSP ini bukan sahaja "*Giant Killers*" nama jolokan yang diberikan oleh YAB Ketua Menteri semasa Pelancaran Sistem Pengurusan Anti Suapan atau *Anti-Bribery Management System (ABMS) ISO 37001:2016* pada 1 November 2017, bahkan kita mempunyai seorang pekerja yang boleh dikatakan sebagai "*The Hidden Pearl*" yang telah mengharumkan nama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP dalam bidang sukan. Beliau ialah Encik Mohd Nazmi Bin Abdul Aziz daripada Jabatan Perkhidmatan Perbadaran kerana telah berjaya merangkul gelaran Pemain Terbaik Perlawanan Bola Sepak Piala Emas Raja-Raja yang mewakili Pulau

Pinang. Pulau Pinang juga telah berjaya menggondol Johan mengalahkan Negeri Kelantan di Stadium Muhammad Ke-4 pada 11 November 2017 baru-baru ini. Tahniah dan syabas untuk beliau dan MPSP.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja bantuan semasa dan selepas banjir, yang telah menyumbangkan tenaga kerja dan lain-lain bantuan tanpa mengira penat dan lelah dan juga yang telah mengharumkan nama Kerajaan Negeri dan MPSP.

MPSP sentiasa komited bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan Seberang Perai sentiasa bersedia dalam menghadapi sebarang bentuk kemungkinan bencana. Saya yakin MPSP mempunyai satu pasukan yang hebat yang terdiri daripada pelbagai jabatan, bahagian dan unit sejajar dengan hasrat kita ke arah *Resilient city*. Dan saya yakin dengan semangat kental dan hati yang cekal yang dibuktikan semasa bencana itu berlaku, kita telah berjaya bangkit untuk kembalikan Seberang Perai ke asalnya secara satu pasukan.

Sekian, terima kasih. *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*